

# KAEDAH PENGAJIAN TAHFIZ DI MAAHAD INTEGRASI TAHFIZ INSYIRAH

**Muhammad Muaz Bin Zainal Abiddin<sup>1</sup>**  
**Muhammad Hafidz Naim Bin Mansor<sup>2</sup>**  
**Muhamad Faiz Bin Muhamad Azahar<sup>3</sup>**  
**Prof. Madya Dr. Syed Najihuddin Bin Syed Hassan<sup>4</sup>**

<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (E-mail: [muazzainal@raudah.usim.edu.my](mailto:muazzainal@raudah.usim.edu.my))

<sup>2</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (Email: [naimmansor123@raudah.usim.edu.my](mailto:naimmansor123@raudah.usim.edu.my) )

<sup>3</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (E-mail: [faiz\\_azhr@raudah.usim.edu.my](mailto:faiz_azhr@raudah.usim.edu.my))

<sup>4</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (E-mail: [syednajihuddin@usim.edu.my](mailto:syednajihuddin@usim.edu.my))

**Abstrak:** *Pengajian tahfiz di Maahad Integrasi Tahfiz Insyirah menggunakan metod Insyirah (gundal) yang diaplikasikan dari negara Pakistan. Kajian ini dijalankan untuk memahami metod Insyirah dengan tepat dan mendalam. Selain itu, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, menerusi analisis dokumen, temu bual, focus group discussion dan pemerhatian. Data kajian dianalisis secara deskriptif berpandukan tema-tema utama yang dihasilkan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa program hafazan al-Quran di Maahad Integrasi Tahfiz Insyirah (MITI) dijalankan secara menyeluruh dan konsisten. Teori hafazan Insyirah (Gundal) dipraktikkan menerusi tiga kaedah iaitu hafaz, tasmi', dan murojaah.*

**Kata Kunci:** *Pengajian Tahfiz, Gundal, MITI*

## Pengenalan

Al-Quran adalah satu elemen yang terpenting di dalam kehidupan umat Islam. Penerapan nilai-nilai al-Quran adalah amat penting di dalam diri masyarakat Islam. Pendidikan al-Quran adalah bermatlamat untuk membina masyarakat yang bertaqwa, masyarakat yang adil berasaskan kasih sayang, belas kasihan, persaudaraan dan masyarakat yang bertolak ansur, bertanggungjawab, berfikiran bebas, demokrasi, tidak zalim, tidak sombong dan masyarakat yang berjalan mengikut garis panduan al-Quran (Ahmad Mohd. Salleh, 1997:15). Menghafaz adalah salah satu kaedah yang penting di dalam mendalami ilmu al-Quran. Hafazan adalah proses yang digunakan untuk menyimpan pengetahuan (Ab. 2 Fatah Hasan:15). Menghafal memerlukan suatu kekuatan fikiran pada orang yang melakukannya. Sementara menghafaz sesuatu yang dipelajari dan mengasah ingatan melalui hafazan adalah cara yang paling baik untuk mengekalkan ingatan dan kecerdasan otak.

Senario yang berlaku pada hari ini menampakkan bahawa, kesedaran umat Islam terhadap kepentingan dan kebaikan menghafaz al-Quran mendorong ibubapa menghantar anak-anak mereka ke sekolah agama yang menyediakan pengajian tahfiz Al-Quran di samping mata pelajaran agama dan akademik. Pelaksanaan pendidikan Islam dan akademik di dalam sistem persekolahan dijalankan di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI) termasuk Maahad Integrasi Tahfiz Insyirah (MITI) yang ditubuhkan di Selangor. Hafazan al-Quran merupakan elemen penting dalam kurikulum MITI melalui kaedah Insyirah (gundal). Dalam hal ini, MITI menggunakan kaedah sistematik Insyirah iaitu hafaz, tasmi' dan murojaah. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk memahami kaedah pengajian tahfiz di Maahad Integrasi Tahfiz Insyirah. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, menerusi analisis dokumen, temu bual, *focus group discussion* dan pemerhatian. Data kajian dianalisis secara deskriptif berpandukan tema-tema utama yang dihasilkan.

## Kajian Pustaka

Terdapat lima perkara penting yang akan di bincangkan di dalam kajian Pustaka:

### **1. Pemilihan kaedah yang tepat menjamin melahirkan hafiz hafizah yang berkualiti dan berwibawa.**

Menurut Abdullah, A. H., Safar, A., Mustari, M. I., Muhammad, A., & Ismail, I. (2003). Ini bermakna dalam masa tiga hari seorang penghafaz hendaklah mengulang sebanyak 19 juzuk. Perlu diingat, bahawa tidak semestinya juzuk-juzuk yang lebih awal dihafaz akan lebih lancar berbanding dengan juzuk-juzuk yang lain. Oleh itu, seseorang penghafaz perlulah mengkategorikan mana juzuk yang dianggap lancar, kurang lancar dan tidak lancar untuk menentukan mana juzuk yang memerlukan kepada kekerapan mengulang (Abu Mazaaya, 1996:9).

Selain itu, menurut Yusof, N. H. (2020) masalah utama yang dihadapi oleh pelajar ialah mempunyai tidak kesedaran, disiplin masa dan kaedah yang konsisten untuk murajaah al-Quran. Hal ini kerana hafazan dan murajaah al-Quran memerlukan peruntukan masa yang banyak bagi memastikan mereka dapat menghafaz dengan baik seterusnya mengekalkan hafazan tersebut. Secara praktikalnya, menghafaz lebih mudah daripada menjaganya kerana orang yang menghafaz didorong oleh semangat untuk menghafaz dan mengingatnya sedangkan menjaga atau mengulang hafalan

selalunya diiringi oleh sifat malas. Solusinya, para huffaz harus membuat jadual khusus secara harian untuk mengulang hafalannya.(Anisa Ida Khusniyah, 2014,67). Di samping itu, menurut Fakhruddin, F. M., Che Ishak, S., & Asmawati, S. (2020). kaedah menghafaz yang berkesan haruslah melibatkan penggunaan pelbagai deria antaranya mendengar, melihat, membaca dan menulis ayat al-Quran bagi memantapkan dan mengukuhkan hafazan al-Quran (Al-Na`miy, 1994).

## **2. Menggalakkan penerokaan ilmu dan menjana kemahiran berfikir (KBAT) dalam kalangan pelajar tahfiz.**

Kemahiran berfikir disebutkan secara jelas dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 sebagai salah satu daripada enam aspirasi yang ingin diterapkan kepada setiap pelajar di Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Kemahiran berfikir didefinisikan oleh Lembaga Peperiksaan (2013) sebagai proses menggunakan minda untuk mencari makna dan pemahaman terhadap sesuatu, menerokai pelbagai kemungkinan idea atau ciptaan, membuat keputusan dan menyelesaikan masalah dan seterusnya membuat refleksi dan metakognitif terhadap proses yang dialami. Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) pula bermaksud satu keupayaan berfikir untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi serta berupaya untuk mencipta sesuatu (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2014b).

Menurut Rajendran (2001) dan Sukiman Saad (2013), kesediaan guru dalam mengendalikan proses PdP bergantung kepada beberapa aspek, antaranya ialah ilmu pengetahuan tentang mata pelajaran yang diajar, kemahiran untuk mengajar kandungan mata pelajaran tersebut dan sikap yang sesuai yang perlu dimiliki untuk mengajar KBAT dalam sesuatu mata pelajaran. Di samping mempunyai pengetahuan dan kemahiran. Rajendran (2001) dan Rajendran (2000) juga mendapati bahawa guru bersikap positif dengan peka terhadap keperluan mengajar KBAT: memastikan pendekatan yang digunakan mengambil kira penglibatan aktif murid dengan memberi peluang yang cukup melalui proses pemikiran aras tinggi; merancang dan mengendalikan aktiviti PdP yang menyokong perkembangan kemahiran asas berfikir dan pada waktu yang sama potensi mengendalikan KBAT. Kajian Rosnani Hashim & Suhailah Hamzah (2003) juga mendapati guru mengamalkan sikap positif yang merangsangkan pemikiran murid.

Seiring dengan keperluan semasa, sistem pendidikan di Malaysia turut menyarankan agar KBAT dibekalkan kepada para murid menerusi penerapannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Diharapkan menerusi penerapan KBAT di bilik darjah ini membantu murid meneroka makna sesuatu konsep yang dipelajari secara kreatif dan kritis untuk kegunaan diri sendiri mahupun sumbangan pada peringkat masyarakat (Suhailah, 2007). Begitu juga kepentingan penerapan dalam Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) di Malaysia.

## **3. Mencapai tahap peringkat program hafazan yang disasarkan oleh pengurusan sekolah.**

Kewujudan sekolah-sekolah tahfiz ini dengan pelbagai latar belakang penubuhannya (Nor Hisham Md. Nawi & Nasrun Hakim Salleh 2017) dengan sistem pendidikan yang tersendiri dan kurikulum yang pelbagai (Azmil Hashim 2010). Keadaan ini menyebabkan sistem pengajian tahfiz Al-Quran di sekolah-sekolah ini tidak berpandukan kepada satu kurikulum yang diselaraskan. Namun, bagi pelaksanaan kurikulum tahfiz di sekolah-sekolah KPM, pihak Bahagian Perkembangan Kurikulum

(BPK) KPM telah mengeluarkan satu garis panduan bagi pelaksanaannya di sekolah-sekolah KPM yang terlibat. Secara umumnya, kurikulum yang ditawarkan merangkumi kurikulum agama sepenuhnya, tahfiz, gabungan keduanya ataupun sistem pondok. Menurut Nordin Ahmad (2015) kandungan kurikulum tahfiz al-Quran al-Karim didasari komponen kurikulum utama iaitu komponen kurikulum teras dan komponen kurikulum elektif. Komponen teras terdiri daripada Hifz al-Quran al-Karim Syafawi, Hifz al-Quran al-Karim Tahriri, Tajwid Amali, Tajwid Tahriri dan Adab Hamalatul Quran. Sementara itu, Tafsir al-Quran, Akidah dan Fiqah Ibadat melengkapkan senarai kursus komponen kurikulum elektif.

Selain itu, Tahfiz Model Ulul Albab memfokuskan kepada pendekatan Quranik iaitu merujuk kepada kemampuan menghafaz 30 juzuk ayat suci Al-Quran dan merujuk kepada silibus hafazan pada setiap tingkatan selama setahun. Selama lima tahun pengajian di peringkat menengah, pelajar perlu menghafal 30 juzuk al-Quran. Berikut merupakan pembahagian juzuk bagi setiap tingkatan selama lima tahun sesi persekolahan. Semasa di tingkatan satu, murid dikehendaki menghafaz sebanyak enam juzuk yang dimulai dengan juzuk 30. Kemudian diteruskan dengan juzuk satu sehingga lima. Manakala sukatan hafazan bagi tingkatan dua adalah juzuk enam hingga juzuk 12 dan sukatan hafazan tingkatan tiga adalah daripada juzuk 13 hingga juzuk 18. Bagi tingkatan empat pula, sukatan hafazan adalah bermula daripada juzuk 19 hingga juzuk 25 dan tingkatan lima adalah daripada juzuk 26 hingga juzuk 29 (KPM, 2016).

Seterusnya kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan inovasi juga memberi impak terhadap silibus hafazan KKK. Hal ini kerana, sukatan pelajaran yang terkandung dalam bidang hafazan yang dipecahkan kepada lima belas tema bermula dari tingkatan satu sehingga tingkatan lima yang merangkumi pengenalan, adab, faedah, bentuk dan surah-surah yang perlu dihafal oleh pelajar-pelajar, justeru melalui inovasi yang dilaksanakan ia sedikit sebanyak membantu silibus tercapai dengan jayanya (PIMM, 2021).

#### **4. Minat dan usaha pelajar faktor utama dalam mereka menghafaz al-Quran.**

Menurut Shukri, N. H. A., & Razak, K. A. (2020) Sebagaimana dijelaskan oleh Hamid (1994) motivasi dianggap faktor terdayanya yang mengarahkan tindakan, biasanya pengobatan individu adalah aktif. Motivasi dikaitkan faktor dalaman (motivasi intrinsik) dan faktor luaran (motivasi ekstrinsik) (Ahmad & Rahman 2014). Motivasi intrinsik merujuk kepada muncul kekuatan dalaman yang timbul bertujuan memenuhi keperluan asas fisiologi dan psikologi (Rohaty 1992), antaranya melibatkan rasa ingin tahu, keperluan, minat, keseronokkan, kepuasan sendiri kemahiran dan kecergasan (Noor & Mohamad 2012) dan lain-lain. Manakala, motivasi ekstrinsik adalah suntikan pengaruh dari luar mendorong kepada keinginan untuk bertindak (Sabran 2005), seperti ganjaran (Noor & Mohamad 2012), pencapaian, status sosial, elak hukuman, pengiktirafan guru dan penerimaan rakan sebaya menjadi sebab yang ingin dipenuhi yang bersifat kehendak jangka pendek. Berdasarkan tinjauan literatur, kajian motivasi mendapat perhatian ramai pengkaji menjangkau pelbagai bidang terbukti motivasi memberi impak positif antaranya kajian Tasgin & Tunc (2018) membuktikan secara akademik motivasi intrinsik pelajar menyumbang ke arah positif. Maka, kajian ini cuba untuk mengenal pasti tahap motivasi iaitu merangkumi motivasi intrinsik dan ekstrinsik pelajar di institusi tahfiz di bawah kelolaan Yayasan Islam Kelantan yang difokuskan di Kota Bharu, khususnya dalam pengukuhan hafazan al-Quran.

#### **5. Cabaran semasa proses pengajaran dan pembelajaran al-Quran di dalam kelas.**

Menurut binti Zakaria, H. B., bin Awang, M. H., bin Mohd Shafie, B. H., binti Talib, N. H. F., & binti Kassim, N. (2010) Isu-isu yang wujud dalam pengajaran Pendidikan Islam dalam Program Pendidikan Khas sekolah-sekolah menengah di Malaysia terdiri daripada aspek kelayakan akademik dan ikhtisas guru-guru, pengetahuan tentang ciri-ciri keperluan khas pelajar dan kebolehan serta keyakinan guru menyampaikan isi kandungan Pendidikan Islam kepada pelajar-pelajar berkeperluan khas (Mohd Mokhtar & Aliza, 2004), serta keperluan kepada infrastruktur yang menyokong pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam (Mohd Hanafi et. al, 2009).

Guru-guru yang mengajar kanak-kanak berkeperluan khas perlu mempunyai kemahiran mengajar yang sesuai dengan keperluan pembelajaran pelajar mengikut kategori kurang upaya (Wood J.W, 2002). Kanak-kanak yang bermasalah penglihatan menggunakan mesin Braille untuk menulis dan membaca bahan dalam Braille, termasuk al-Quran dalam tulisan Braille. Oleh itu, guru-guru yang mengajar Pendidikan Islam untuk pelajar-pelajar buta dan masalah penglihatan yang teruk perlu mempunyai kemahiran menggunakan mesin Braille dan membaca tulisan Braille, khususnya al-Quran Braille (Mohd Mokhtar & Aliza, 2004). Dari aspek pemahaman, pelajar-pelajar bermasalah penglihatan tidak menghadapi masalah kerana mereka berkebolehan memahami konsep abstrak agama menerusi deria pendengaran. Malah ada di antara mereka mampu menghafaz al-Quran dengan hanya mendengar sahaja, berbanding pelajar-pelajar bermasalah pendengaran.

### **Pengenalan Maahad Integrasi Tahfiz Insyirah (MITI)**

Maahad Integrasi Tahfiz Insyirah (MITI) adalah sebuah institusi Islam, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) yang mana ia berasaskan Al- Quran dan Al- Hadith dalam pendidikan dan pembelajaran. Sejak diasaskan pada tahun 2000, Maahad Integrasi Tahfiz Insyirah yang terletak di 1 Blok F-G-09, Residensi Bistaria, Taman Ukay Bistari, Hulu Kelang menjadi pusat ilmu kepada lebih 200 pelajar dari tadika, madrasah rendah dan menengah. MITI telah didaftarkan di bawah Bahagian Pendidikan Islam Jabatan Agama Islam Selangor: No. Pendaftaran 13S(9) 8/60. Kod Sekolah BZH 7029.

Selain itu, MITI merupakan salah satu tempat pembinaan sahsiah para pelajar yang mana mendidik warga Maahad untuk sedar dan memenuhi tanggungjawab sebagai Hamba dan Khalifah Allah. Akademik dan Teknikal juga menjadi teras ilmu dan amal dalam Kurikulum Pendidikan Maahad Integrasi Tahfiz Insyirah. Apabila ilmu Al-Quran diterapkan dalam diri warga Maahad secara tidak langsung dapat membina kemahiran berbahasa, di samping menggalakan penerokaan ilmu dan menjana kemahiran berfikir aras tinggi.

MITI merangkumi 4 peringkat program pendidikan iaitu Taman Asuhan Anak-Anak (Tadika), Sekolah Rendah (Ibtida Iyyah), Sekolah menengah (Mutawassitah) dan Sekolah Menengah Tinggi (Thanawiyah). Pertama, Taman Asuhan Anak-Anak (Tadika) adalah tempat di mana pelajar mengenal, membaca, dan menghafaz dengan asas buku Iqra', kemahiran mengira matematik, membaca dengan kaedah Anakku, Ready Easy, Pandai Jawi dan fardhu ain (teori & praktikal), wudhu' dan solat, serta menghafal bacaan dalam solat beserta dengan doa. Kedua, Sekolah Rendah (Ibtida Iyyah) warga Maahad diajar untuk membina kemahiran, penerokaan dan aplikasi ilmu serta menjana kemahiran berfikir, melalui ilmu yang benar dan bermanfaat. Ketiga, adalah penumpuan kepada peperiksaan SPM yang dirangka khas bagi memaksimumkan kefahaman dan penguasaan subjek dan meminimumkan penggunaan masa belajar berkualiti tanpa mengabaikan hafazan Al-Quran. Program ini akan diterapkan pada peringkat Sekolah Menengah (Mutawassitah). Akhir sekali, Sekolah

Menengah Tinggi (Thanawiyah) yang akan memfokuskan dan memberi penumpuan yang lebih kepada peperiksaan SPM yang dirangka khas bagi memaksimumkan kefahaman dan penguasaan subjek dan meminimumkan penggunaan masa belajar berkualiti tanpa mengabaikan hafazan Al-Quran.

### **Sejarah Penubuhan Maahad Integrasi Tahfiz Insyirah (MITI)**

MITI ditubuhkan pada tahun 2016, yang diasaskan oleh Ustaz Shahril Bin Sartu dan kini anak-anaknya yang menguruskan serta meneruskan legasi ayahnya. Bertempat di Ukay Bestari, Ulu Kelang, Ampang, Selangor. MITI mewujudkan sistem pendidikan yang menitikberatkan pendidikan jati diri tauhid dan akhlak berteraskan Al-Quran dan Sunnah sekaligus mengintegrasikannya dalam kehidupan melalui rutin harian dan pembelajaran akademik yang praktikal dan realistik.

Maahad Tahfiz Integrasi Insyirah (MITI) institusi pendidikan yang berteraskan al-quran dan al-hadith dalam pendidikan dan pembelajaran. manakala, pembelajaran akademik; pengimbang dan pelengkap kepada lahirnya ilmuan professional yang menghidupkan al-quran, beramal soleh berakhlak mulia, cerdas minda dan fizikal, bersikap siddiq, amanah, fatanah, dan melaksanakan tabligh dalam menghadapi masyarakat sejagat.

Kini MITI mempunyai seramai 16 guru dan 200 pelajar di peringkat tadika, rendah dan menengah. MITI juga telah banyak melahirkan para huffaz yang berkualiti, bukan sahaja dari segi hafazan al-Quran juga dari segi akademiknya.

### **Kaedah Hafazan Sistem Turki**

Menurut Abdul Hafiz & Norhanan, antara kaedah hafazan yang wujud juga ialah Sistem Turki, kelainan yang wujud dalam sistem ini dan tidak didapati dalam system lain adalah, mereka mempraktikkan hafazan dari helaian belakang untuk tiap-tiap juzuk dan memulakan tasmi` dengan juzuk 1, pada muka surat akhir (al-Quran cetakan Saudi) yang dianggap mereka sebagai helaian pertama digelar sayfar 1 dalam bahasa Turki. Pada pengamatan penyelidik sepanjang menjalankan penyelidikan tentang kaedah ini, penyelidik juga tidak terlepas dari mencuba sendiri kaedah ini dan mendampingi mereka yang pernah mengikuti kaedah ini menunjukkan hafazan melalui belakang banyak membantu dalam mengurangkan risiko hafazan mudah luput dari ingatan huffaz kerana mereka akan sentiasa mengulang hafazan baru dan lama serta jarak masa yang diambil untuk mengulang kembali adalah tidak lama berbanding sistem lain yang akan menamatkan satu-satu juzuk terlebih dahulu barulah berpindah ke juzuk seterusnya.

Selain itu, laporan hafazan iaitu cizelge dalam bahasa Turki juga membantu pelajar dalam mengukur kemampuan mereka dalam melaksanakan hafazan. Mengenai keistimewaan kaedah hafazan Sistem Turki, telah mendapati, rata-rata pelajar mengakui bahawa mereka kurang merasa jemu bila menggunakan Sistem Turki dan mengakui bahawa sistem ini merupakan sistem yang menerapkan teknik hafazan al-Quran yang tidak menumpukan pada satu-satu juzuk terlalu lama. Teknik yang dinyatakan tersebut tidak wujud pada sistem lain kerana kebiasaannya sistem lain akan menumpukan pada satu-satu juzuk terlebih dahulu sebelum berpindah kepada juzuk lain. Oleh itu jelas kepada kita bahawa pendekatan dan keistimewaan yang wujud dalam sistem ini merupakan salah satu tarikan kepada pelajar dan memberi kepelbagaian dalam teknik menghafaz.

### **Sistem Pendidikan dan Sistemik Insyirah**

MITI juga tidak ketinggalan dalam menjadikan institusi ini seiring dengan institusi tahfiz yang lain. Hal ini dapat dilihat melalui sistem pendidikan yang teratur serta lebih efisien dalam menjadikan serta membentuk para huffaz dan pelajarnya seimbang ukhrawi dan duniawi.

Tambahan pula, MITI telah menggariskan tiga (3) teras utama dalam sistem pendidikan mereka iaitu melalui **Al-Quran**, **Al-Hadith** dan **Aplikasi Akademik**. Ini merupakan pengimbang pengisian dan tuntutan kehidupan duniawi dan ukhrawi yang setaraf dengan kehendak semasa dalam bidang pendidikan.

### **Al-Quran**

Teras pertama iaitu Al-Quran merupakan perkara yang menjadi teras ilmu dan amal dalam pendidikan mereka. Antaranya melalui kaedah Hafazan Quran, Tadabbur serta Tahsin Tilawah dan Tajwid pelajar akan didedahkan dengan menggunakan kaedah sistematik Insyirah bagi mengukur kemampuan pelajar mengikut tahap seperti jadual berikut:

<b>BIL.</b>	<b>TAHAP</b>	<b>KAEDAH</b>
1.	Asas	Iqra dan Hafazan Ayat Lazim
2.	Permulaan	1 Juzu' hingga 5 Juzu'
3.	Pertengahan	5 Juzu' hingga 15 Juzu'
4.	Lanjutan	15 Juzu' ke atas

Kaedah hafazan amat penting untuk seorang pelajar itu mengekalkan hafazan dan melakukan hafazan yang baru. Oleh yang demikian, kajian ini telah mengenalpasti beberapa kaedah hafazan yang biasa diamalkan dalam menghafaz al-Quran.

Selain itu, pelajar akan didedahkan dengan kaedah **Tadabbur** sebagai pemangkin bagi memahami makna kalimah dan terjemahan al-Quran dan berusaha mengaplikasi dalam kehidupan seharian. Justeru itu, penerapan kaedah **Tahsin Tilawah dan Tajwid** juga diperhebatkan bagi memahirkan bacaan dan hafazan al-Quran yang baik dan bertajwid.

### **Al-Hadith**

Teras kedua ialah Al-Hadith yang memfokuskan kepada memahami sunnah dan iktibar nabawi. Penerapan Hafazan Hadith dengan menggunakan kaedah sistematik Insyirah. Pelajar membaca, melancar dan menghafaz mengikut tahap dan kebolehpayaan tahap umur mengingat. Dianggarkan pelajar akan menghafaz sebanyak 176 al-Hadith bermula dari darjah 1 hingga tingkatan 5.

### **Aplikasi Akademik**

Teras ketiga ialah Aplikasi Akademik yang tidak meninggalkan Asas Kemahiran & Ikhtiar Hidup, Taman Didikan Kanak-Kanak (TADIKA) dan peringkat membina kemahiran dan pengukuhan.

Selain itu, Sekolah Rendah – Menengah. Peringkat Rendah memberi fokus kepada membina kemahiran, penerokaan dan aplikasi ilmu serta menjana kemahiran berfikir; melalui ilmu yang benar dan bermanfaat.

Peringkat Menengah pula, memberikan penumpuan peperiksaan SPM yang dirangka khas bagi memaksimumkan kefahaman dan penguasaan subjek dan meminimumkan penggunaan masa belajar berkualiti tanpa mengabaikan hafazan al-quran.

### **Penerapan dan Kaedah Hafazan di MITI**

Menggunakan metodologi Insyirah atau lebih dikenali sebagai kaedah 'gundal', mereka yang selalu menggunakan kaedah ini adalah orang Pakistan, cuma mereka ini tidak mempunyai buku untuk menanda semua itu tetapi inilah kaedah yang mereka gunakan. Kaedah ini terbahagi kepada tiga: hafalan, tasmi', dan murajaah.

#### **Hafaz**

Kaedah hafazan ialah dengan menambah ayat-ayat baru yang dihafal oleh murid semalam, dan setiap ayat yang dihafal hendaklah diulang sebanyak 60 kali dan dicatat dalam buku. Pandang ayat lima kali, kemudian tutup ayat lima kali. Kemudian ayat yang dihafal itu ditulis dengan melihat al-Qur'an. Di sekolah ini, kaedah hafazan dilakukan pada waktu pagi dari jam 7.30 pagi hingga 9.30 pagi dan dibahagikan kepada 8 hingga 12 orang murid dalam satu kumpulan.

#### **Tasmi'**

Bagi kaedah tasmi' pula, ia adalah untuk pelajar yang telah menghafal 3 bahagian atau lebih. Kemudian, pelajar ini akan diberikan borang khas, dan sekiranya pelajar tidak menghabiskan 3 bahagian, mereka akan meneruskan ke kaedah seterusnya. Ia adalah murajaah. Pada sesi kedua ini, ia berlangsung dari pukul 10 pagi hingga 12:30 tengahari, mengikut tahap hafazan pelajar, dan jika hafalannya rendah, maka ulangannya rendah, begitu juga sebaliknya.

#### **Murajaah**

Bagi kaedah yang terakhir, kaedah murajaah ialah mengulang bahagian yang telah dihafal oleh pelajar, contohnya jika pelajar telah menghafaz juzu' enam belas, pelajar mesti mengulang kaji dari juzu' pertama hingga kelapan tetapi tidak selesai pada hari yang sama, mungkin dalam satu hari, dua juzu' mesti diselesaikan.

Jika pelajar terlupa juzu' yang dihafalnya, maka hafalan semasanya dihentikan untuk memberi pelajar ingat semula juzu' yang mereka terlupa dan proses itu dipanggil memulihkan hafazan.

### **Kesimpulan**

Kajian ini menunjukkan perkaitan antara pendekatan pembelajaran tahfiz dengan pencapaian akademik. Dapatan kajian juga menunjukkan hubung kait yang ketara antara strategi pembelajaran tahfiz dengan kejayaan akademik. Oleh itu, dalam membangunkan kurikulum pengajaran dan pembelajaran tahfiz, semua pihak perlu memberi perhatian khusus kepada komponen teknik pembelajaran tahfiz. Bagi menjayakan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran tahfiz serta meningkatkan taraf hafazan pelajar, kaedah pembelajaran tahfiz juga perlu didedahkan kepada guru dan pelajar tahfiz dengan lebih mendalam lagi.

### **Rujukan**

- Abdullah, A. H., Safar, A., Mustari, M. I., Muhammad, A., & Ismail, I. (2003). Keberkesanan kaedah hafazan di Pusat Tahfiz. Laporan Penyelidikan, Pusat Pengajian Islam & Pembangunan Sosial: Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad, M. N., Razak, K. A., & Nor, M. S. M. (2021). Inovasi dalam Pengajaran Hafazan Guru Kelas Kemahiran Quran (KKQ): Tujuan dan Impak Pelaksanaan. Seminar Inovasi Pendidikan Islam Dan Bahasa Arab 2021 (p. 118).
- Abdullah, W. A. A. W., Zhaffar, N. M., Nor, N., Musa, N. A., & Othman, M. S. (2020). Konsep Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT): The Concept of Higher-Order Thinking Skills (HOTS) in Tahfiz Integrated Curriculum (KBT). *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 4(2), 11-21.
- Binti Zakaria, H. B., bin Awang, M. H., bin Mohd Shafie, B. H., binti Talib, N. H. F., & binti Kassim, N. (2010). Isu dan cabaran guru dalam pendidikan al-quran pelajar bermasalah penglihatan. In *Prosiding the 4th International Conference on Teacher Education* (pp. 751-762).
- Fakhrudin, F. M., Ishak, S. C., Suhid, A., Ayub, A. F. M., Hassan, N. C., Abd Mutalib, L., & Jaafar, W. M. W. (2020). Proses dan Kaedah Pembelajaran Tahfiz Dalam Kalangan Murid Di Sekolah Menengah Agama Kerajaan Di Malaysia (Process and Method of Tahfiz Learning Among Students in Malaysian Government Religious Secondary Schools). *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 17(2), 311-340.
- Kaimin, S. K., Yussuf, A., Yakub, M., & Yusoff, Z. M. (2021). Masalah Dan Cabaran Guru Tahfiz Dalam Pelaksanaan Pengajaran Tahfiz Model Ulul Albab Sekolah Menengah Di Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Mustafa, S. N. M., Johan, S. A., & Safar, J. (2020). TAHAP PENCAPAIAN HAFAZAN MURID TAHFIZ MODEL ULUL ALBAB (TMUA) SEKOLAH MENENGAH. *Al-Hikmah*, 12(2), 35-52.
- Rahimah, E. (2014). Memupuk Kemahiran Berfikir Secara Bersepadu Di Peringkat Sekolah.
- Rashed, Z. N., Yahaya, M., Ilias, M. F., Sungit, M. F., Rahman, A. H. A., & Radzi, N. M. (2021). Pengurusan Infrastruktur Sekolah: Kajian Kes Di Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS). *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 8(3), 75-90.
- Shukri, N. H. A., & Razak, K. A. (2020). Faktor Motivasi Pelajar dalam Pengukuhan Hafazan Al-Quran di Kota Bharu. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(3), 32-40.
- Yusof, N. H. (2020). Kaedah pintar murajaah al-quran: kajian di institusi pengajian tahfiz malaysia. *TAMADDUN: Jurnal Pendidikan dan Pemikiran Keagamaan*, 21(2), 219-230.
- Abdul Hafiz, Norhanan Kaedah Hafazan Al-Quran Sistem Turki: Kajian Di Tahfiz Al-Quran Darul Tuba.
- Laman Sesawang Maahad Integrasi Tahfiz Insyirah <https://www.integrasiinsyirah.edu.my/en/daftar>